

Salah guna kuasa: Suami isteri direman tiga hari

KUALA TERENGGANU:

Sepasang suami isteri ditahan reman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan salah guna kuasa mendapatkan perolehan kerja sejak empat tahun lalu.

Suspek yang juga penjawat awam disyaki mengesyorkan syarikat ibu bapanya bagi mendapat perolehan kerja mencecah ratusan ribu ringgit di sebuah jabatan kerajaan di Terengganu.

Syarikat itu diurus oleh isterinya.

Perintah reman sehingga Rabu itu dikeluarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009.